



## PUSAT POLIS BANTUAN DAN KESELAMATAN UNIVERSITI

AUXILIARY POLICE AND SECURITY CENTER (APSeC)

Ruj. Kami : UPM.APSeC.100-1/7/3

Tarikh : 15 Oktober 2025

---

### PEKELILING PUSAT POLIS BANTUAN DAN KESELAMATAN UNIVERSITI BILANGAN 1 TAHUN 2025

---

#### PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN PELAJAR SESI 2025/2026

##### TUJUAN

1. Pekeliling Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti (APSeC) ini bertujuan memaklumkan kaedah dan syarat-syarat untuk permohonan Pelekat Kenderaan Pelajar bagi Sesi 2025/2026 kepada pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM).
2. Menjelaskan kepada semua pelajar UPM kepentingan untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu dalam bentuk pelekat kenderaan universiti sebelum boleh membawa kenderaan ke dalam kawasan kampus.
3. Pemilik kenderaan yang berdaftar dan diberikan kelulusan untuk menggunakan membawa kenderaan, boleh memasuki mana-mana pintu masuk Universiti termasuk pintu yang dilengkapi dengan Sistem Akses Berpusat *License Plate Recognition* (LPR).

##### PENDAHULUAN

4. Permohonan pelekat kenderaan bagi pelajar-pelajar Univerisiti Putra Malaysia yang dibenarkan adalah mengikut sesi tahun pengajian iaitu Program Diploma/Bachelor tahun 2, 3, 4, serta Program Master dan PHD, layak memohon pelekat kenderaan yang tertakluk kepada kaedah dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
5. Pelajar-pelajar dalam kategori *Executive* dan Pendidikan Jarak Jauh yang mengikuti sesi pembelajaran bukan sepenuh masa juga perlu memohon pelekat kenderaan untuk memasuki kawasan kampus.
6. Pelajar yang dibenarkan untuk memohon untuk membawa KERETA di dalam kawasan kampus adalah pelajar Diploma/Bachelor tahun akhir, pelajar luar kampus dan pelajar pasca siswazah sahaja yang juga tertakluk kepada syarat-syarat permohonan yang ditetapkan.

## TARIKH PERMOHONAN DIBUKA

7. Permohonan Pelekat Kenderaan Pelajar bagi sesi 2025/2026 akan dibuka bermula pada:

- i) Tarikh : 17 Oktober 2025.
- ii) Masa : 9.00 pagi.
- iii) Pautan : [www.asis.upm.edu.my](http://www.asis.upm.edu.my) (Pelekat Kenderaan).



[www.asis.upm.edu.my](http://www.asis.upm.edu.my) (Pelekat Kenderaan)

## KRITERIA KELAYAKAN UNTUK PERMOHONAN PELEKAT

8. Permohonan Pelekat Kenderaan – Kereta.

- i) **Pelajar Program Bachelor Tahun Akhir.**
- ii) **Pelajar Program Master dan PhD.**
- iii) **Pelajar Program Diploma Tahun Akhir.**
- iv) **Pelajar Luar Kampus** yang disahkan dalam e-SMP.
- v) **Pelajar yang menjalani Latihan Industri** di luar kampus (Mohon dengan muat naik surat tawaran Latihan Industri serta Surat Pengesahan Fakulti).
- vi) **Exco Tertinggi** bagi Majlis-Majlis berikut (tertakluk kepada syarat pemilikan kenderaan oleh pelajar berkenaan sahaja):

Kampus Serdang:

- a. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) – 15 orang.
- b. Majlis Perwakilan Kolej (MPK) – 15 orang setiap kolej.
- c. Majlis Perwakilan Fakulti – 5 orang setiap fakulti.

Kampus Sarawak:

- a. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) – 5 orang.
  - b. Majlis Perwakilan Kolej (MPK) – 5 orang.
- vii) **Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)**. Permohonan oleh pelajar adalah terhadap pemohon yang lulus tapisan dan disenaraikan oleh pihak Fakulti sahaja.
- viii) **Atlet UPM**. Permohonan oleh atlet adalah terhadap kepada pelajar yang lulus tapisan dan disenaraikan oleh Akademi Sukan UPM.

9. **Permohonan Pelekat kenderaan – Motosikal**

- i) **Pelajar Program Bachelor** Tahun 2, 3, 4 dan tahun akhir.
- ii) **Pelajar Program Master dan PhD**.
- iii) **Pelajar Program Diploma** (Kampus Sarawak) Tahun 2 dan ke atas.

**PELAJAR YANG TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA KENDERAAN**

10. Pelajar Program Diploma Tahun 1, Program Bachelor Tahun 1 dan pelajar Program Asasi Sains Pertanian (AsPutra) **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang jenis kenderaan motor ke dalam kawasan kampus.

**SYARAT ASAS PERMOHONAN PELEKAT KENDERAAN UPM**

11. Semua pelajar yang layak hanya dibenarkan memohon **satu (1) pelekat kenderaan sahaja** sama ada kereta ATAU motosikal.
12. Pemohon perlu menjelaskan saman-saman yang **TERTUNGGAK** sebelum mengambil pelekat kenderaan yang baharu.
13. Bagi pelajar yang membuat **permohonan pelekat ke atas kenderaan yang sama** seperti yang telah didaftarkan semasa sesi yang lepas, tiada dokumen baharu perlu dimuat naik. Sekiranya lesen memandu telah tamat tempoh, dokumen yang sah perlu dimuat naik semula menggantikan yang tamat tempoh.

(2) MAKLUMAT KENDERAAN

*NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	<input type="text"/>	<input type="button" value="Q"/>
	(Isikan tanpa ruang Contoh: ABC123X)	
*KATEGORI	<input type="text" value="Sila Pilih"/>	*JENIS
*JENAMA	<input type="text" value="Sila Pilih"/>	*WARNA
*MODEL	<input type="text"/>	*BAHAN BAKAR
*KUASA ENJIN	<input type="text" value="Sila Pilih"/>	<input type="text" value="Sila Pilih"/>
*TRANSMISI	<input type="text" value="Sila Pilih"/>	<input type="text" value="Sila Pilih"/>

Isi No. Daftar Kenderaan dan klik 'search'. Maklumat kenderaan serta dokumen sedia ada akan dipaparkan.

14. Pelajar yang pertama kali memohon pelekat kenderaan atau permohonan untuk kenderaan baharu perlu memuat naik dokumen-dokumen berikut (FORMAT PDF/JPEG/PNG sahaja):

(3) MUATNAIK DOKUMEN

• SALINAN LESEN MEMANDU  No file chosen

LESEN.jpg Muat naik semua dokumen dalam format PDF/JPEG/PNG sahaja

• SALINAN GERAN KENDERAAN  No file chosen

SURAT PENGESAHAN PEMILIK KENDERAAN (SEKIRANYA NAMA GERAN TIDAK SAMA DENGAN NAMA PEMOHON)  No file chosen

**SIMPAN & HANTAR PERMOHONAN**

- i) Lesen Memandu pemohon yang sah (Lesen L untuk pelekat motorsikal sahaja)
- ii) Salinan Geran Kenderaan Asal atau Sijil Pemilikan Kenderaan atau *screenshot* maklumat kenderaan dalam laman web rasmi JPJ atau Aplikasi MyJPJ.
- iii) Surat Pengesahan Pemilik Kenderaan oleh pemilik sah dalam geran, sekiranya kenderaan bukan milik pelajar. Contoh Surat Pengesahan Pemilik Kenderaan boleh dimuat turun di [www.apsec.edu.my/faildokumen](http://www.apsec.edu.my/faildokumen).



**Peringatan:**  
Pastikan dokumen yang dimuat naik diletakkan palang

## KADAR DAN KAEDAH BAYARAN

15. Pelajar yang memohon Pelekat Kenderaan dikehendaki membayar kos pelekat sebanyak **RM2.00** bagi kereta dan motorsikal.
16. Sebarang urusan pembayaran akan dilaksanakan secara pindahan dalam talian (*online transfer/ QRPay*).

## TIDAK MENGAMBIL PELEKAT KENDERAAN

17. Pemohon yang **TIDAK MENGAMBIL** pelekat kenderaan akan menyebabkan kenderaan mereka tidak didaftarkan dan **TIDAK BOLEH MELEPASI PALANG AUTOMATIK** Sistem Akses Berpusat LPRS.

## LOKASI KAWASAN PARKIR PELAJAR

18. Semua petak parkir di Fakulti/Jabatan/Institut adalah dikhaskan untuk staf/pegawai sahaja. Pelajar hanya dibenarkan untuk menggunakan kawasan parkir khas pelajar di tempat yang ditetapkan seperti berikut:
  - i) Medan Parkir Dewan Kuliah Akademik Pusat
  - ii) Medan Parkir Kompleks Akademik E
  - iii) Medan Parkir Dewan Kuliah Putra
  - iv) Medan Parkir Bilik Kuliah Pusat
  - v) Medan Parkir Pelajar iPUTRA
  - vi) Medan Parkir Pelajar Fakulti Pertanian
  - vii) Medan Parkir Pelajar Fakulti Perubatan Veterinar
  - viii) Medan Parkir Pelajar Fakulti Kejuruteraan
  - ix) Medan Parkir Pelajar PKKSSAAS
  - x) Dataran Pusat Islam (Kampus Sarawak sahaja)
  - xi) Kompleks Akademik Pusat (Kampus Sarawak sahaja)

## PERTANYAAN

19. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada:
  - i. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor.  
  
No. Telefon : 03-9769 8005 (waktu pejabat)  
WhatsApp : 03-9769 8005 (mesej sahaja)  
No. Faks : 03-97697930  
Emel : apsec@upm.edu.my  
Waktu Pejabat: Hari Isnin-Khamis (8.15 pagi – 7.00 petang)  
Hari Jumaat (8.15 pagi – 12.15 tengah hari)  
(2.45 petang – 7.00 petang)  
Hari Sabtu/Ahad/Cuti Am (8.15 pagi – 4.00 petang)  
\*Kaunter akan ditutup pada waktu-waktu tertentu sekiranya terlibat aktiviti-aktiviti rasmi dan cuti perayaan.

ii. Waktu operasi Kaunter Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti, Universiti Putra Malaysia Sarawak

Hari Isnin -Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang

Hari jumaat : 8.15 pagi - 11.45 Pagi  
2.45 petang - 4.30 petang

## PENGUATKUASAAN

20. Penggunaan Pelekat Kenderaan Pelajar akan berkuatkuasa pada **1 November 2025**. Hanya kenderaan yang mempunyai Pelekat Kenderaan UPM sahaja yang dibenarkan untuk memasuki semua kawasan Universiti Putra Malaysia.
21. Semua kenderaan yang tidak berdaftar atau tidak mempunyai pelekat, termasuk kenderaan e-hailing/p-hailing (**Grab, Grabfood, Food Panda, Shopeefood** dll) tidak dibenarkan masuk ke dalam kawasan UPM **selepas jam 12.00 tengah malam**.
22. Pelekat Kenderaan UPM adalah kebenaran membawa kenderaan kepada **nama pemohon sahaja**. Pemandu yang tidak berdaftar dalam sistem akan dikenakan tindakan mengikut peraturan sedia ada.
23. Pihak Fakulti dan Kolej dimohon untuk mempamerkan Pekeliling ini di papan kenyataan bagi memudahkan pelajar membuat rujukan.
24. Pelekat kenderaan KERETA perlu ditampal di bahagian **BAWAH KANAN** cermin di bahagian pemandu.
25. Pelajar Luar Kampus tidak dibenarkan untuk meletak kenderaan di dalam kawasan kolej selepas jam 12 tengah malam.
26. Pemandu yang mempunyai Pelekat Kenderaan UPM masih tertakluk kepada semua peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Malaysia.
27. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti berhak merampas pelekat kenderaan yang tidak sah atau melanggar peraturan semasa Universiti.
28. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti akan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan kepatuhan penggunaan kenderaan dari semasa ke semasa.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERILMU BERBAKTI”**

Saya yang menjalankan amanah,



**NORAZLAN BIN MOHAMMED**

Pengarah

Pusat Polis Bantuan Dan Keselamatan Universiti  
Universiti Putra Malaysia

- s.k :
- Naib Canselor, UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM
  - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UPM
  - Pendaftar, UPM
  - Bursar, UPM
  - Pengarah UPMS
  - Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM
  - Pengarah Akademi Sukan, UPM

## **SENARAI EDARAN**

Dekan, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Dekan, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul  
Dekan, Fakulti Ekologi Manusia  
Dekan, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar  
Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan  
Dekan, Fakulti Perhutanan  
Dekan, Fakulti Pertanian  
Dekan, Fakulti Perubatan Veterinar  
Dekan, Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Dekan, Fakulti Sains  
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan  
Dekan, Sekolah Pengajian Siswazah  
Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM

Pengetua, Kolej Canselor  
Pengetua, Kolej Tun Dr. Ismail  
Pengetua, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah  
Pengetua, Kolej Pendeta Za'ba  
Pengetua, Kolej Sepuluh  
Pengetua, Kolej Dua Belas  
Pengetua, Kolej Tan Sri Aishah Ghani  
Pengetua, Kolej Empat Belas  
Pengetua, Kolej Tan Sri Mustafa Babjee

Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Pelajar  
Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Kolej-Kolej  
Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Fakulti-Fakulti

Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM SERDANG

Pengetua, Kolej Sri Rajang  
Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Pelajar  
Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Kolej

Universiti Putra Malaysia Sarawak  
97008 BINTULU  
Sarawak